

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 3 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	322,000 PESAWAH TERIMA BEKALAN BAJA, NASIONAL, SH -9 322,000 PESAWAH TERIMA BAJA UREA, SEBATHAN BAGI MUSIM PENANAMAN PERTAMA 2018 / 2019, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3 322,000 PESAWAH TERIMA BAJA UREA, TEMPATAN, MINGGUAN SARAWAK -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	BELA NASIB HAIWAN JALANAN, REHCANA, METRO AHAD -62	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	TEROKA PASARAN LEBIH BESAR, SENTRAL, SH -20	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8. 9.	23 KAWASAN DI SABAH SEMINGGU TANPA HUJAN, ALAM SEKITAR, BH -19 KERING 23 HARI, SETEMPAT, METRO AHAD -2 PADI FIELDS IN KB DRYING UP, DAILY EKSPRESS -ONLINE CURRENT HOT SEASON DRYING UP PADI FIELDS IN SABAH, NATION, SUNDAY STAR -3	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	MUSANG KING SUMBER PENDAPATAN BAHARU KEDAH, SEMASA, KOSMO -6 ESTABLISH COMPANY AND DIRECTLY EXPORTING FRUITS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 JOHOR FRUITS FARMERS SET UP COMPANY TO SELL FRUITS TO SINGAPORE, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A26 MINISTRIES DISCUSS MAKING SABAH A GREEN FOOD HUB, HOME, BORNEO POST (KK) -5 FARMERS RECEIVING NPK FERTILIZER, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 PERKENAL TAHFIZ AGRO, NASIONAL, SH -12	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

## **322,000 pesawah terima bekalan baja**

PUTRAJAYA - Seramai 322,000 orang pesawah di seluruh negara telah menerima bekalan baja urea dan sebatian bagi musim penanaman pertama tahun 2018/2019.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), pembekalan yang telah dilaksanakan itu setelah mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan (MOF).

"MOA amat prihatin atas keperluan pesawah dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada pesawah seperti baja campuran dan baja urea bagi tujuan penanaman padi," katanya.

Dalam pada itu, bagi pembekalan baja tambahan NPK

pula, MOA masih meneruskan usaha mendapatkan kelulusan MOF untuk perolehan baja tersebut yang dianggarkan berjumlah 26,000 metrik tan untuk musim penanaman pertama 2018/2019.

"MOA telah menyusun keutamaan program dengan mengesyorkan kepada MOF supaya kelulusan diberikan untuk menggunakan peruntukan sedia ada MOA bagi tujuan perolehan baja tambahan NPK ini," jelasnya.

Menurutnya, proses permohonan pindah peruntukan dan pelanjutan kontrak input pertanian padi tahun 2019 sedang dalam pertimbangan MOF dan pembekalan dijangka akan dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Headline	322,000 pesawah terima baja urea, sebatian bagi musim penanaman pertama 2018/2019		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	03 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	140 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 298
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 893



## 322,000 pesawah terima baja urea, sebatian bagi musim penanaman pertama 2018/2019

PUTRAJAYA: Sejumlah 322,000 pesawah di seluruh negara telah dibekalkan dengan baja urea dan sebatian bagi musim penanaman pertama 2018/2019, menurut Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Kementerian itu dalam satu kenyataan pada Sabtu berkata pembekalan itu dilaksanakan setelah mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan (MOF).

"MOA amat prihatin atas keperluan pesawah dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada pesawah seperti baja campuran dan baja urea bagi tujuan penanaman padi," katanya.

Berhubung pembekalan baja tambahan NPK (nitrogen, fosferus, kalium (potasium), kementerian itu menegaskan pihaknya masih meneruskan usaha mendapatkan kelulusan MOF untuk memperoleh baja tersebut yang dianggarkan berjumlah 26,000 tan metrik bagi musim penanaman pertama 2018/2019.

Justeru, MOA berkata pihaknya telah menyusun keutamaan program dengan mengesyorkan kepada MOF supaya kelulusan diberikan untuk menggunakan peruntukan sedia ada kementerian bagi tujuan memperoleh baja tambahan NPK ini.

Dalam pada itu, proses permohonan pindah peruntukan dan pelanjutan kontrak input pertanian padi tahun ini sedang dalam pertimbangan MOF dan pembekalan dijangka akan dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat, katanya. - Bernama

Headline	322,000 pesawah terima baja urea	Color	Black/white
MediaTitle	Mingguan Sarawak	Circulation	37,981
Date	03 Mar 2019	Readership	113,943
Section	Tempatan	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Page No	11	AdValue	RM 430
Language	Malay	PR Value	RM 1,289
Journalist	N/A		
Frequency	Daily (EM)		



# 322,000 pesawah terima baja urea

**PUTRAJAYA:** Sejumlah 322,000 pesawah di seluruh negara telah dibekalkan dengan baja urea dan sebilian bagi musim penanaman pertama 2018/2019, menurut Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani (MOA). Kementerian itu dalam satu kenyataan semalam berkata pembekalan itu dilaksanakan setelah mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan (MOF)

"MOA amat prihatin atas keperluan pesawah dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada pesawah seperti baja campuran dan baja urea bagi tujuan penanaman padi," katanya.

Berhubung pembekalan baja tambahan NPK (nitrogen, fosforus, kalium (potasium), kementerian itu menegaskan pihaknya masih meneruskan usaha mendapatkan kelulusan MOF untuk memperolehi baja

tersebut yang dianggarkan berjumlah 26,000 tan metrik bagi musim penanaman pertama 2018/2019.

Juara, MOA berkata pihaknya telah menyusun kementerian program dengan meng-

esyorkan kepada MOF supaya kelulusan diberikan untuk menggunakan peruntukan sedia ada kementerian bagi tujuan memperolehi baja tambahan NPK ini. Dalam pada itu, proses permohonan pindah

peruntukan dan pelenjutan kontrak input pertanian padi tahun ini sedang dalam pertimbangan MOF dan pembekalan dijangka akan dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat, katanya. -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2019	METRO AHAD	RENCANA	62

METRO AHAD

# BELA NASIB HAIWAN JALANAN

■ **Program Kucing Angkat cari tuan baharu, Dogathon 2019 tingkat kesedaran isu kebajikan**

Anisa Zahrudin  
anizahrudin@metro.com.my

**K**e mana hilangnya sifat belas kasihan dan kasih sayang manusia terhadap makhluk beryawa lain?

Persoalan ini timbul apabila menyaksikan kerakusan manusia yang diangkat sebagai khalfah dan diamanahkan supaya memacu dunia ke arah kebaikan semakin 'seronok' melakukan kerosakan bahkan penganiayaan terhadap binatang.

Penghujung tahun lalu, Malaysia digemparkan dengan rakaman kamera litar tertutup mempamerkan kezaliman dilakukan dua lelaki membiarkan seekor kucing bunting dengan meletakkannya ke dalam mesin pengering pakaian di kedai dobi layan diri di Taman Gombak Ria, pada 11 September 2018, jam 12.54 malam.

Bangkai haiwan malang yang mati berdarah akibat melecur itu kemudian ditemui pelanggan lain pada jam 10.30 pagi apabila ingin menggunakan mesin pengering berkenaan.

Renteran daripada itu, 'pemangsa' ini didakwa mengikut 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (AKTA 772) dan dihukum mengikut Seksyen 29 (1) akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada 17 Januari lalu di Mahkamah Sesyen Selayang, Hakim Rasyidah Ghazali menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap A Mohanraj, 42, atas kesalahan berkenaan.

Keterbalikan daripada situasi itu, masih ada sekelompok insan berjaya besar yang memperjuangkan nasib haiwan terutama dikategorikan jalanan.

Penganturan Program Kucing Angkat anjuran Persatuan Haiwan Malaysia, minggu lalu,



TARIKH perharian pencinta kucing

dilihat antara usaha bagi raembela kucing jalanan dengan menempatkannya bersama keluarga baharu.

Wakilnya, Juanita Izzudin Mohd Farouk berkata, projek perintis ini dilaksanakan bersama rakan penyelamat bebas dan syarikat makanan kucing, MIsba, dalam konsep santai bagi mencari rumah baharu buat kucing di bawah jagaan masing-masing.

"Kami mengambil pendekatan lebih terbuka seakan-akan karnival dengan menganjurkan program ini di luar bangunan diiringi pelbagai aktiviti termasuk perjagaan asas kucing, penempatan kucing angkat dan sebagainya.

"Sebelum ini, bagi penempatan kucing angkat ini selalunya dilakukan secara persendirian oleh penyelamat bebas, namun menerusi program ini sebanyak 100 ekor kucing pelbagai baka ditawarkan untuk dijaga.

"Kami ingin memperkenalkan konsep satu keluarga, satu haiwan peliharaan yang bertujuan memupuk kasih sayang terhadap haiwan dalam kalangan masyarakat, terutama kanak-kanak.



KONGSI ilmu perjagaan kepada pengunjung



ANTARA kucing jalanan berjaya dielamatkan

"Kesanggupan keluarga angkat ini juga dapat menyebarkan mesej kesedaran, mengajar erti tanggungjawab, membentuk perasaan kasih pada makhluk lain, bersikap positif dan sabar.

"Ada segelintir masyarakat berminat untuk memelihara kucing, namun ilmu dan pengalaman dimiliki kekurangan. Jadi, pada hari ini (Sabtu minggu lalu), kami mengadakan bengkel mengenai penjagaan asas kucing kepada keluarga baharu dan pengunjung."

Katanya ketika ditemui di Segambut, minggu lalu. Menurut wanita juga penyelamat bebas yang memiliki 49 ekor kucing ini, sesi temu duga dan saringan turut dilaksanakan bagi proses kucing angkat.

Sesi ini dijalankan bagi memastikan penjaga baharu benar-benar mampu memikul tanggungjawab untuk menjaga kebajikan, kesihatan, penjagaan serta perhatian kepada kucing yang bakal dipelihara.

Kata Juanita Izzudin lagi, ada kes individu mengambil kesempatan terhadap kucing jalanan

yang dipelihara sehingga sihat dan cantik ini untuk dijadikan induk baka.

Katanya, program ini juga membuka ruang kepada penyelamat bebas menjana pendapatan bagi menampung kos penjagaan haiwan yang diselamatkan.

"Ramai beranggapan kami penyelamat bebas sentiasa merah simpati mengumpul dana menerusi hebahan media sosial bagi menyelamatkan kucing jalanan sama ada rawatan kesihatan dan pemberian vaksin.

"Namun, sebenarnya kami melakukan pelbagai kerja berbeza bagi menjana pendapatan diri dan rezeki itu dikongsi bersama kucing yang kami selamatkan," ceritanya sambil mengakui sebanyak 20 kucing berjaya bertemu penjaga baharu.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Misha, Lee Lay Yim mengakui kerjasama dengan Persatuan Haiwan Malaysia bersesuaian dengan objektif syarikat menyokong program penempatan semula kucing dan pemberian makanan bernutrisi.

Dalam acara berbeza, Persatuan Mahasiswa



**Idea untuk mendidik masyarakat mengenai pengkajian haiwan peliharaan masing-masing adalah penting**

**DR MOHD HAIR**

Fakulti Perubatan Veterinar (VETERNAK) dan Zoologico Club, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program larian amal tahunan bersama anjing peliharaan, Dogathon 2019.

Pengarah bersamanya, Nicole Tan Han Xin berkata, program yang berlangsung pada Ahad lalu berjaya mengumpul dana 2,000 pemilikan.

"Tahun ini, Dogathon tampil dengan beberapa objektif utama termasuk meningkatkan kesedaran mengenai isu kebajikan haiwan dan mendidik masyarakat perihai haiwan jalanan.

"Dogathon juga platform untuk menyokong usaha 'Catch-Neuter-Rehome' (CNR) oleh Projek Pengkajian Haiwan Terbiar (Prokasih) bagi mengawal populasi binatang jalanan di kampus UPM.

"Selain mengukuhkan hubungan di antara binatang peliharaan dan pemilik, kami juga ingin mengumpulkan pencinta haiwan ini berkongsi pengetahuan dan pengalaman antara satu



LARIAN sejauh 7.5 kilometer



BINA hubungan erat antara anjing dan pemilik



KONGSI kesedaran dalam kalangan masyarakat

sama lain.

"Sempena larian ini, kami berjaya mengumpul dana sebanyak RM5,000 dan ia akan diserahkan kepada Prokasih bagi usaha CNR," katanya.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof Datuk Dr Mohd Hair Bejo berkata, pengajuran program kali ke-22 ini diharap mampu menyebarkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai isu haiwan jalanan.

Jelasnya, haiwan jalanan tidak bertuan ini tidak terbelak kebajikannya malah ia memberi risiko kesihatan terhadap masyarakat sekiranya populasinya tidak terkawal.

Isteri, idea untuk mendidik masyarakat mengenai pengkajian haiwan peliharaan masing-masing adalah penting.

Ini kerana pembiakan tidak terkawal membuatkan pemilik mengambil tindakan membuang sekali gus menjadikan baka anjing atau kucing dipelihara kepada binatang jalanan, apabila tidak mampu menjaganya lagi.

# Teroka pasaran lebih besar

**Usahawan perlu optimumkan potensi produk**

NIKAMIRUL MU'MIN  
NIK MIN

## KUANTAN

**G**olongan usahawan perlu optimumkan potensi produk yang dihasilkan bagi menembusi pasaran lebih besar.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, ramai usahawan makanan misalnya mempunyai produk berpotensi namun mereka sendiri tidak nampak potensi yang dimiliki untuk dikembangkan.

Menurutnya, justeru golongan berkenaan perlu dibantu supaya produk yang dihasilkan mampu dikembangkan dan dipa-

sarkan sendiri.

"Saya lihat ada beberapa bentuk bantuan diperolehi golongan usahawan ini antaranya dalam aspek pasaran, geran untuk memulakan perniagaan termasuk pembelian peralatan dan mesin serta rangkaian kerjasama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang di Serambi Teruntum di sini, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Pengarah Fama Pahang, Rosli Awang Da.

Fuziah berkata, terdapat usahawan mampu hasilkan produk yang baik tetapi tidak nampak potensinya untuk dipasarkan ke pasaran lebih luas.



Fuziah (tengah, kiri) mencuba cendol durian yang dijual peniaga gerai Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang di Serambi Teruntum, semalam.

## info

My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang mencatat jualan RM492,000 dengan purata RM41,000 sebulan

ngan mengadakan program Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang bagi membantu mempromosikan produk keluaran usahawan.

Program selama tiga hari bermula semalam itu disertai seramai 46 peserta yang memasarkan pelbagai jenis produk termasuk buah-buahan segar dan produk makanan.

Difahamkan Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang yang diadakan tahun lalu mencatatkan jualan RM492,000 dengan nilai jualan purata RM41,000 sebulan.

an untuk memasarkan produk mereka selain membantu dalam aspek pembungkusan dan sebagainya.

Fuziah turut memuji langkah Fama membantu usahawan di negeri ini de-

niaga buah menggunakan serbuk perasa itu, sudah tentu ia mampu memberi keuntungan," katanya.

Pada masa sama katanya, pihak pasar raya juga perlu membuka peluang kepada usahawan tempatan.

"Misalnya ada peniaga buah yang hasilkan sendiri yang dijual sedangkan produk itu sendiri sebenarnya boleh dipasarkan dan sudah tentu ada permintaan.

"Bayangkan semua pe-



[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

Kawasan tanah dan rumput yang kering di Pasir Putih, Putatan berikutan cuaca panas dan kekurangan hujan dialami di Sabah ketika ini.



[FOTO BERNAMA]

Madiri Riu menunjukkan saliran air ke sawah kering kontang berikutan cuaca panas melanda Kota Belud sejak sebulan lalu.

## 23 kawasan di Sabah seminggu tanpa hujan

➔ Jabatan Meteorologi ramal cuaca panas, kering berterusan sehingga akhir April



Azeni Daud

Oleh Mohd Izham Unnir Abdullah  
thaddius@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Sebanyak 23 lokasi di Sabah merekodkan hari tanpa hujan melebihi tujuh hari berturut-turut dengan Stesen Meteorologi Lapangan Terbang Sandakan mencatat jumlah tertinggi di seluruh negara, iaitu 23 hari berturut-turut sehingga semalam.

Ia diikuti pekan Tungkul, Lahad Datu sebanyak 22 hari, Pertaudan Ulu Dusun, Sandakan (19 hari), Tumpung Hallu, Lahad Datu (16 hari); Stesen Meteorologi Lahad Datu (17 hari) dan Kota Kinabatangan, Kinabatangan (17 hari).

Keadaan panas dan kering itu menyebabkan beberapa kawasan mula berdepan

ologi Lapangan Terbang Tawau di Tawau.

### Jumlah hujan dijangka merosot

Bellau berkata, kawasan Tuaran-Mensilau, Pertanian Telupid, Stesen Meteorologi Keningau, Pertanian Nabawan; Stesen Meteorologi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA); Babagon, Penampang dan Kinlu, Tuaran mencatat 11 hari berturut-turut tanpa hujan, manakala Pulau Bangi dan Stesen Meteorologi Lapangan Terbang Kudat masing-masing mencatat 12 hari dan 13 hari tanpa hujan.

"Secara keseluruhan jumlah hujan dijangka merosot antara 40 peratus hingga 50 peratus di seluruh Sabah sepanjang Mac, khususnya di kawasan utara, Sandakan, Tawau dan pantai barat. Bagi kawasan lain merosot antara 20 peratus hingga 40 peratus berbanding kadar biasa khususnya mulai April," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Bellau berkata, keadaan itu ada kaitan dengan fenomena el-nino lemah yang diramal boleh berlaku dengan kebarangkalian antara 50 peratus hingga 60 peratus bermula Mei depan dengan kesannya hanya dirasai di Sabah dan utara Sarawak.

## ➔ ALAM SEKITAR



**UNIVERSITI MALAYA**  
PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN

### PROGRAM PENGAJIAN ISLAM

Syariah · Usuluddin · Bahasa Arab · Kemahiran Membaca Al-Quran

**AMBILAN APRIL 2019 KINI DIBUKA**

Program ini dibuka kepada semua lapisan masyarakat yang berminat untuk memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan. Kelas akan disampaikan oleh para pensyarah yang berkecayaan dan berpengalaman dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia.

**Kursus Pengajian SYARIAH**  
bertarikh 20

**Kursus Pengajian USULUDDIN**  
bertarikh 20

**Kursus Kemahiran MUMBAKA AL-QURAN**  
bertarikh 20

**Kursus BAHASA ARAB**  
bertarikh 20

LOKASI		HARI KULIAH
Universiti Malaya	Kuala Lumpur	Sabtu / Ahad
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UNISHAMS)	Kuala Ketil & Alor Setar	
Nolej Antarabangsa TAJ (TIC)	Ipoh	

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

<p>UM, Kuala Lumpur Iritan : 019-240 2115 Shuhaida : 03-7967 6015 Azmeer : 03-2246 3610</p>	<p>UNISHAMS Pejabat : 04-611 5017 Muzani : 011-57506865</p>	<p>TIC Ahmad Al-Amin : 011-2057 7722 Faizl : 013-234 3735</p>
---	---	---

**MAKLUMAT LANJUT MELALUI SMS:**  
Sila taip: **CONTACT@UMCCED** (jika) **RAMA** (jika) **LOKASI** (jika) **MM** (jika) **600** KURSUS dan hantar ke 8888. [www.umcced.edu.my](http://www.umcced.edu.my)

BARAH  
NO. K/P: \_\_\_\_\_ (MEL)  
TEL: \_\_\_\_\_ (FAX)  
ALAMAT: \_\_\_\_\_

Sila tandakan (\*) pada kod kursus yang berkenaan:  PYS  UPU  IBA  IMA

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN 5 APRIL 2019**

Tempat adalah berhad.  
Persekitaran baru akan lebih dibuka sekiranya di <http://emohon.umcced.edu.my/>

**PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN UNIVERSITI MALAYA**  
Ara 9, Wisma R&D Universiti Malaya,  
Jalan Pintal Sabaru, 50900 Kuala Lumpur.  
Faks : 03-2246 3613 / 03-7967 6015  
E-mel: umcced@um.edu.my


Sertai komuniti **UMCCed**

[www.umcced.edu.my](http://www.umcced.edu.my)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2019	METRO AHAD	SETEMPAT	2

MADILI Riou, 55, meninjau keadaan tanah sawah padinya yang merekah berikutan cuaca panas di daerah Kota Belud sejak sebulan lalu.



### FENOMENA CUACA PANAS

# KERING 23 HARI

■ 23 lokasi di Sabah rekod hari tanpa hujan berterusan melebihi tujuh hari

Mohd Izham Umrip Abdullah,  
Sid Nor Hidayatdayu Razali  
dan Eldwan Haque Fazul Haque  
cnews@nstp.com.my

#### Kota Kinabalu

**S**tesen Meteorologi Lapangan Terbang Sandakan mencatat jumlah hari tanpa hujan yang tertinggi di seluruh negara iaitu 23 hari berturut-turut sehingga kelmarin.

Ini antara 23 lokasi di Sabah merekodkan hari tanpa hujan melebihi tujuh hari berturut-turut.

Lokasi lain ialah pekan Tungku, Lahad Datu sebanyak 22 hari, Pertanian Ulu Dusun, Sandakan (19 hari); Tununong Hallu, Lahad Datu (18 hari); Stesen Meteorologi Lahad Datu (17 hari) dan Kota Kinabatangan (17 hari).

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Azerni

Daud berkata, berdasarkan rekod yang dikumpul pihaknya, hujan terkini dicatat lapan hari lalu di Pusat Ternakan Wario, Kota Belud; Stesen Meteorologi Ranau (sembilan hari lalu) dan Laban Rata, Gunung Kinabalu (10 hari lalu).

Katanya, lima lokasi lain turut mencatat 10 hari tanpa hujan berturut-turut iaitu di Pertanian Semporna; Sub Stesen Serinsim, Kota Marudu; Jabatan Pertanian Mesilau, Kundasang; Ladang Tiger serta Stesen Meteorologi Lapangan Terbang Tawau di Tawau.

Bellau berkata, kawasan Tuaran-Mensilau, Pertanian Tehpid, Stesen Meteorologi Keningau, Pertanian Nabawan, Stesen Meteorologi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Babagon, Fenampang dan Kiulu, Tuaran mencatat 11 hari

berturut-turut tanpa hujan, manakala Pulau Banggi dan Stesen Meteorologi Lapangan Terbang Kudat masing-masing mencatat 12 hari dan 13 hari tanpa hujan.

"Secara keseluruhan jumlah hujan merosot antara 40 hingga 50 peratus di seluruh Sabah sepanjang Mac khususnya di kawasan utara, Sandakan, Tawau dan pantai barat."

"Bagi kawasan lain, ia merosot antara 20 hingga 40 peratus berbanding kadar

“

Hujan dijangka merosot antara 40 hingga 50 peratus di seluruh Sabah sepanjang Mac, khususnya di kawasan utara, Sandakan, Tawau dan pantai barat"

Azerni

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2019	METRO AHAD	SETEMPAT	3



biasa khususnya mulai April " katanya. semalam Sementara itu, katanya pihaknya meramalkan cuaca panas dan kering yang melanda Sabah ketika ini berterusan sehingga akhir April depan.

Beliau berkata, keadaan ini ada kaitan dengan fenomena El-nino lemah yang diramai boleh berlaku dengan kebarangkalian antara 50 hingga 60 peratus bermula Mei depan dengan kesannya hanya dirasai di Sabah dan utara Sarawak.

Keadaan panas dan kering itu menyebabkan beberapa kawasan mula berdepan masalah air dengan Pejabat Daerah Kota Belud setakat ini mengisytiharkan daerah itu dilanda bencana alam kemarau dengan sebuah kampung terjejas teruk yang kekeringan sumber air graviti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2019	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

## Padi fields in KB drying up



**KOTA BELUD:** The current hot weather is affecting the nation and in Sabah, padi fields in Kampung Tempasuk Dua, near here, are all drying up as there have been no rains for over a month.

A survey showed there were padi fields that had dried up, the soil hardened and cracked, as there was no adequate water supply to irrigate the crops.

Many farmers have also expressed their concern that the current weather condition may continue until April, considering that they had planted new padi seedlings two weeks ago. Madili Riou, 55, is not denying that the hot weather and the lack of showers have been a challenge for him in getting enough water supply to sufficiently irrigate his 1.2-hectare padi field.

"It has been about a month since it rained and what is worrying is that if it continues like this, the yield and quality of the padi will be affected and we will face losses," he said.

Another farmer, Susah Tiampou, 65, said another factor that attributed to the problem was the work that was being carried out on the water drainage system in the vicinity, besides, the water flow to the respective padi fields was also by rotation. He said there were other farmers who were now ploughing their land and they required an adequate supply of water.

"The situation is still under control, but it is worrying that if there is no water released within a week to our padi fields, our crops will die," he said.

Meanwhile, Kota Belud Integrated Agricultural Development Area (IADA) Director Salmah Labulla said she was aware of the situation and proactive steps would be taken to address the problem.

They would include irrigation to padi fields by using mobile pumps especially in areas that have just begun re-planting, she said.

The hot weather and the lack of rain is expected to continue until March, except in some areas namely Kudat, Sandakan and Tawau where it will continue until April.

# Current hot season drying up padi fields in Sabah

**KOTA BELUD:** Padi fields in some places in Sabah have dried up due to the hot and dry spell affecting the country.

A visit to Kampung Tempasuk Dua here found that some padi fields have dried up due to insufficient water supply.

Rice farmers are concerned whether the current weather condition will last until April as some had planted their crops a fortnight ago.

Madili Riou, 55, said the hot weather and lack of rain have been challenging as he must ensure ample supply of water for his 1.2ha plot.

"It has been almost a month since it rained here and this is worrying.

"If this continues, then our harvest and the quality of the rice will be affected and we will face losses," he said.

Madili, who planted a new crop in mid-February, said that initially, there was enough water, adding that he never expected conditions to turn so dry.

"I hope something will be done soon because some of the planted crops are almost dying due to the lack of water supply," he added.

Another farmer, Susah Tiampou, 65, said the lack of water in the fields was also due to upgrading



**It's arid out here:** Farmer Madili Riou, 55, showing the dried-up irrigation canal at his padi field in Kota Belud, Sabah. — Bernama

works carried out on irrigation channels in some areas.

Susah, who has a 0.8ha plot, said other farmers were also ploughing, which needed sufficient water supply.

"Many padi fields in this village are big and the farmers need water for their crops, especially now during the dry season.

"The situation is still under control for the time being but we worry what will happen in the next one

week," he added.

Kota Belud Integrated Agriculture Development Area director Salmah Labulla said she was aware of the conditions faced by the rice farmers in the district, adding that several measures would be taken.

"This includes pumping water into the fields using mobile pumps, especially in areas where the crops have just been planted," said Salmah during the interview.

The planting schedule for rice in

the area would also be postponed for the time being until the weather returned to normal, added Salmah.

"We also advised the farmers to work their fields using other methods during this dry season," she said.

The hot and dry season in Sabah is expected to go on until the end of March, except in a few areas such as Kudat, Sandakan and Tawau where it is expected to last until April. — Bernama



**AZMAN** (dua dari kanan) menikmati durian musang king sempena Pesta Durian 2019 di perkarangan Stadium Darul Aman di Alor Setar semalam.

# Musang King sumber pendapatan baharu Kedah

**ALOR SETAR** - Kedah bakal menjadi antara pengeksport durian bervarieti tinggi seperti Musang King, Duri Hitam dan D24 apabila projek tanamannya di Kulim, Sik serta Baling mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga tahun dari sekarang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin berkata, sehingga kini, 30 petani di negeri ini sudah mula menanam pokok durian jenis itu di tanah

seluas 50 hektar sejak tahun lalu.

Beliau berkata, projek itu yang dijalankan dengan pemantauan dan bimbingan daripada Jabatan Pertanian Negeri, dijangka mampu mengeluarkan durian sekitar 1,500 metrik tan per hektar dengan setiap hektar dijangka menghasilkan sebanyak 30 metrik tan.

"Daerah Kulim, Sik dan Baling dipilih berikutan bentuk muka bumi serta tanah yang sesuai selain menggallakkan petani di

Kubang Pasu, Padang Terap dan Yan untuk terlibat dengan tanaman durian jenis ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Durian 2019 di perkarangan Stadium Darul Aman di sini semalam.

Dalam pada itu, Azman berkata, kerajaan negeri menggalakan lebih ramai lagi pemilik dusun di negeri ini membuat pemuliharaan semula dusun dengan beralih kepada pokok durian yang mendapat harga dan permintaan yang tinggi. - Bernama

Headline	Establish company and directly exporting fruits		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	03 Mar 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	933 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,208



**陈志强：避免中间人赚更多**

# 设公司直接出口水果

(永平 2 日讯) 国内许多小农通过中间人出口水果到海外，价格常被压得很低，如今果农通过注册成立公司及合资设厂收购与包装水果，并直接出口水果到外国的方式，取得更高赚幅之余更可开拓更多

市场。柔佛州果农公会逾 20 名理事及会员已于一年前注册一家公司，并合资在亚依淡设厂，未来用作水果收集和包装基地，冲刺出口市场。

这家公司由 1 房农得自行生产规范认证 (GMP)，届时将以合作社的概念经营，以协助果农及小农组织起来，先由内通过整合，就能直接出口水果到海外市场。

柔佛州果农公会会长陈志强指出，在此之前，许多小农是透过中介商卖水果，价格常被压得很低，影响利润。因此，该会希望透过成立这家公司，让果农们能直接参与中间环节，就能以更高的价格销售水果，赚取更高收入。

据了解，国内许多小农，包括果农和菜农等，由于人力短缺成本等因素，造成土地耕作精神低落都是由收益面而来，将影响到蔬果集散中心，因此从集散中心分派到国内各地及出口外

国。就以柔佛的情况，柔佛地区的蔬果小农是透过蔬果商或透过作为州内主要蔬果集散中心的水手，再从水手分派到各地。其他地区，以及出口到新加坡。

陈志强指出该公会新春联欢会时，上述计划中的计划于 1 月 1 日由柔佛州农业局批准，占地约 7000 平方米，预计在 3 个月内落成。

“上述厂房将包装的水果，主要供应新加坡市场，柔佛接下来能控制更多市场渠道，开拓更多国内市场，让本地果农受惠。”

“本会拥有逾 200 名会员，目前只有 20 多人加入公司，我希望未来能有更多人加入，壮大农友的力量。”

出席者包括马来西亚果农公会会长韩学习、州农业局



陈志强(右)及罗道台(左)赠送纪念牌予周忠信。农会部长冯的理陈成明及筹委会主席罗道台等。

**韩学习：本地水果需求增**

韩学习指出，本地水果如今不仅供应本地市场，外国市场的需求量也不断攀升，令本地果农增加销路之余，也增强对农业领域更具信心。

他说，过去，基于市场的局限，果农一般不会种植一种水果当作本牌经营的事，但随著打开中国和欧洲市场，

本地水果的市场已变得更大，需求量也大增。

“看来未来国内其中，个主要的蔬果集散中心，高达 80% 的水果产自柔佛各地，希望柔州的果农们能更加团结，踊跃加入果农公会，一起生产更多优质水果，共同推动水果市场的繁荣。”

**减少进口热带水果**

陈志强促请政府减少进口水果，尤其应减少引进本地能栽种的热带水果，确保本地果农的收入不受冲击。

“希望政府能为本地果农多做考虑，若政府毫无节制地允许进口同样的热带水果，将会对本地市场造成冲击，影响本地果农的收入。”

陈志强呼吁果农和农业领域业者，响应农业部的良农良业倡议计划。

**转型发展农业旅游**

陈志强表示，农业团体应思考农业部的重点发展方向，地及结果农考虑转型，例农业旅游领域的转型发展。

周忠信代表柔佛州议会副议长梁碧霞为陈安主持开幕仪式，肯定农业领域的转型发展，果农不提交转型，还需做更多方面的努力和申请，才能提升本地水果价值。

“建议果农改变销售模式，尝试直接和电商平台开拓市场，或采取多元化种植，让农产品增加产值。”

Headline	Johor Fruits farmers set up company to sell fruits to Singapore		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	03 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A26	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	616 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,412



陈志强（前排左3起）、周忠信、周碧珠、陈汉明、韩学习等一同进行鸣锣仪式。

# 柔果农公会设公司 集合水果自销新国

陈志强表示，希望能集合小农的力量，避免小农面对水果卖不出去或遭中间人打压的窘境，也希望扩大规模，吸引更多农友加入。

峇株巴辖2日讯 | 柔州果农公会会长陈志强透露，该会是全国首开先河，首间成立公司的果农分会，旨在集合所有农友种植的水果，包装后销往新加坡，以期减少中间人的打压。

「本会注册公司已一年，目前获公会20多名理事参与成为股东，我们如合作社般采取分红制度，在南北大道亚依淡收费站附近设立7000平方尺的工厂，工厂多3个月就完工。」

他说，该会希望能以此集合小农的力量，避免小农面对水果卖不出去或遭中间人打压的窘境，希望日后规模逐渐扩大，能吸引更多农友加入。

陈志强昨晚出席柔州果农公会举办的农历新年联欢晚会上，这么透露。出席者包括民主行动党永平州议员周碧珠、农业与农基工业部部长特助陈汉明、马来西亚果农总会会长韩学习、筹委会主席罗进益等。

他呼吁，政府应以本地水果种植业者为优先考虑，减少进口一些水果，以免本地水果出现供过于求的情况。

他说，尤其本地盛产的热带水果如香蕉、木瓜、番石榴及水蓊等，政府更应减少进口，若无节制进口，恐导致本地水果供过于求。

## 推动柔中一线牵

「如今农业发展面对多项问题，如气候、缺乏劳工及可耕地的问题，会员农友应相应农业部的良好农业规范认证（MyGAP），相关政府部门也应与农友进行交流，以提升农业发展。」

他也提到，该会成立至今已12年，至今拥有200多名会员，一路走来以凝聚会员农友，为柔州种植果业塑造一个更有效率、互动及潜质的本地水果产业链交流平台为己任。

开幕人柔州议会副议长兼加兰区州议员颜碧贞的代表，民主行动党明吉席州议员周忠信鼓励，果农善加运用现代科技、网络商贸平台及充分利用农耕地提高产值，并利用串联方式发展农业。

她透露，她日前与农业及农业工业部长沙拉胡丁阿奇会面时，针对亚依淡现代农业计划进行讨论，探讨新模式如让农民耕者有其地及利用现代化农业科技，提高农业产值。

「州政府积极推动的「柔中一线牵」，通过紧密串联厨舍、新邦令金及永平等农业发达的地区，以及推动农业旅游及食品加工计划发展农业。」

她也提及，农长向她提到，虽然农业休闲如在果园开始民宿，至今还无法令保护，但该部将以农场休闲为发展方向。她鼓励农民开拓这块，希望通过农业旅游及食品加工，为农民带来更好的收入。

Headline	Ministries discuss making Sabah a green food hub		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	03 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	19,988
Page No	5	Readership	59,964
Language	English	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,500



# Ministries discuss making Sabah a green food hub

**KOTA KINABALU:** Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong said more meetings between his ministry and Federal Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) should be held to have better understanding of Sabah actual situations and needs.

"At least we should have such a meeting once every year," Junz reiterated in a statement here yesterday.

He said this after receiving a courtesy call from MOA Secretary-General Datuk Mohd Sallehuddin Hassan and his top officers to Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) on Friday.

Junz said this was the first official visit to MAFI after so many years by MOA officials, which turned out to be very fruitful covering several vital and urgent subjects.



**Junz**

"There are many pertaining issues and policy matters have been discussed openly in the meeting," Junz said.

"Among the main topics discussed was how to develop Sabah as the next healthy green sustainable food hub of the region and becoming the net exporter for Malaysia," he continued.

Junz said the meeting was a great one where officers at both federal and state level have good open-minded discussions.

"All officers have had an in-depth understanding of each other's roles and responsibilities. Therefore, forming a better coordination and cooperation when it comes to implementing policies and running programmes benefiting the farmers and fishermen directly or indirectly," he explained.

The Minister thanked Mohd Sallehuddin for taking the initiative to come to MAFI with his officers and looking forward to more such meetings in the future.



Headline Farmers receiving NPK fertilizer  
MediaTitle Nanyang Siang Pau  
Date 03 Mar 2019  
Section National  
Page No A3  
Language Chinese  
Journalist N/A  
Frequency Daily

Color Full Color  
Circulation 27,667  
Readership 83,000  
ArticleSize 328 cm<sup>2</sup>  
AdValue RM 4,126  
PR Value RM 12,377



农业部关注农民需求，同时为他们提供各种肥料。（档案照）

## 财政部特别批准 农民获NPK附加肥料

（吉隆坡 2 日讯）针对 2018/2019 年首季农作物种植，农业及农基工业部取得财政部特别批准后，已提供尿素和复合肥给全国 32 万名农民。

“我们仍致力获得财政部批准，以取得作为 2018/2019 首季农作物种植，预计为 2 万 6000 公吨的 NPK 附加肥料。”

农业部发文告说，该部也已向财政部表达，望能优先处理 NPK 附

加肥料的应用，让该部现有拨款用来购置有关肥料。

文告指农业部非常关注农民需求，同时为他们提供各种形式的援助及措施，包括为稻农提供混合肥料及尿素肥料。

“财政部正处理着 2019 年稻米种植的肥料合约延期及转移分配的 application，预计有关肥料可在将来供应给农民。”

# Perkenal tahfiz agro

*Secara tidak langsung beri pendapatan sampingan kepada sekolah tahfiz*

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

KLANG

**M**enteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Muhyiddin Yusuof berhasrat untuk menjadikan konsep 'tahfiz agro' sebagai salah satu cabang institusi tahfiz di negara ini.

Beliau berkata, institusi tahfiz termasuk pelajarinya bukan sahaja dapat mempelajari kemahiran tambahan, tetapi turut menambah ilmu dalam bidang pertanian dan penternakan.

Malah katanya, sekiranya terdapat mana-mana institusi tahfiz menggunakan konsep tahfiz agro, ia juga secara tidak langsung mampu memberi pendapatan kepada sekolah atau pondok berkenaan, serta menjana ekonomi



Mujahid melawat dan merasmikan Maashad Tahfiz al-Quran Wal Imamah yang menerapkan konsep pertanian.

umat Islam.

"Saya akan cadangkan kepada kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) bahagian hal ehwal agama Islam untuk adakan satu tahfiz agro.

"Sebelum ini, kita ada tahfiz yang mengikut TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional), ada juga tahfiz profesional, tahfiz kejuruteraan. Tapi tak ada lagi tahfiz agro," katanya ketika berucap merasmikan Maashad Tahfiz al-Quran Wal Imamah

(MATQI) di sini, semalam.

Menurutnya, idea konsep tahfiz agro itu timbul selepas melihat persekitaran MATQI dimiliki pengetuanya, Azrul Hakim.

Mujahid berkata, konsep yang diaplikasikan di maahad tahfiz berkenaan sangat menarik kerana hasil tanaman serta ternakan akan dikembalikan kepada sekolah berkenaan.

"Tahfiz pertanian, kita boleh tengok berapa ekor kambing, ayam kita ada, dan orang infak

wang mereka dengan pembelian berkenaan. Wang itu kemudian dikembalikan semula ke sekolah. Satu idea yang bagus dan konsep tahfiz agro ini kita perlu luaskan," katanya.

Pelbagai hasil ternakan dan tanaman diusahakan pengetua serta pelajar MATQI, antaranya ayam kampung, itik, ikan keli, ikan patin serta beberapa ekor baka kambing, biri-biri, malah mereka juga mempunyai kira-kira 100 ekor lembu.